

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

195,923 individu telah divaksin setakat 9 Mac

KUALA LUMPUR - Seramai 195,923 individu dalam kumpulan fasa pertama Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan telah divaksin setakat Selasa.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, menurut laporan harian pemberian dos satu vaksin meng-

ikut negeri. Sarawak merekodkan jumlah suntikan dos pertama vaksin tertinggi dengan 27,500 individu, diikuti Selangor (19,251), Kuala Lumpur (16,887) dan Pahang (16,342).

"Sabah seramai 16,245 orang; Perak (15,881); Johor (15,843); Kelantan (14,185); Kedah (11,638); Terengganu (11,261) dan Negeri Sembilan

(8,385).

"Di Pulau Pinang pula 7,781 orang mendapatkan vaksinasi. Melaka (5,365); Perlis (4,158); Putrajaya (2,941) dan Labuan (2,260)," katanya menerusi infografik yang dimuat naik di Twitter dan Facebook beliau pada Rabu.

- Bernama

186 pengamal perubatan swasta diberi kuasa kendali kes positif Covid-19



Dr Adham (tengah) melancarkan buku *The Covid-19 Chronicles Of Malaysia-Navigating The Storm* di Putrajaya pada Rabu.

PUTRAJAYA - Seramai 186 pengamal perubatan swasta dibenarkan kuasa di bawah Seksyen 10 (2) Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 bagi mengendalikan kes positif Covid-19 berkuat kuasa pada Khamis, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, kesemua mereka berkuasa mengeluarkan perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah atau Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 serta arahan pemakaian gelang kuarantin.

"Pengamal perubatan swasta ini dibenarkan mengendalikan kes positif Covid-19 di tempat mereka bekerja sama ada di klinik atau hospital swasta," katanya dalam sidang akhbar di sini pada Rabu.

Mengenai pecahan pengamal perubatan swasta terbabit mengikut negeri, Dr Adham berkata, Selangor mempunyai jumlah tertinggi iaitu 66, diikuti Kuala Lumpur (43), Johor (26), Pulau Pinang (16) dan Negeri Sembilan (13).

Selbihnya adalah masing-masing empat di Melaka dan Perlis, Perak dan Terengganu masing-

masing tiga, Pahang, Kelantan dan Sabah masing-masing dua, manakala Kedah dan Putrajaya masing-masing satu.

Dr Adham berkata, Pejabat Kesihatan Daerah diberi tanggungjawab menyediakan garis panduan kepada pengamal perubatan swasta terbabit.

Mengenai proses vaksinasi bagi barisan hadapan, Dr Adham berkata, sasaran 60 peratus daripada 500,000 petugas barisan hadapan mendapat suntikan vaksin Covid-19 dijangka dicapai minggu ini. - Bernama